

SOALAN NO: 394

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATO' ABD AZIZ BIN SHEIKH FADZIR
[KULIM BANDAR BARU]
TARIKH :
SOALAN : 394

YB Dato' Abd Aziz Bin Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baru] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah Kerajaan berhasrat untuk membina Hospital Bersalin yang sudah pun dipohon pelbagai pihak sejak 15 tahun lalu di kawasan Bandar Baharu bagi mengatasi kesukaran penduduk setempat yang terpaksa mendapatkan rawatan bersalin di hospital yang terletak lebih 30 kilometer dari Pekan Bandar Baharu.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan penduduk di kawasan Bandar Baharu dapat menikmati kemudahan rawatan bersalin, sebuah Pusat Bersalin Alternatif Berisiko Rendah yang lengkap telah disenaraikan untuk dipohon dalam *Rolling Plan* (dengan izin) ke 3 RMKe-11 di lokasi Klinik Kesihatan Serdang, Bandar Baharu, Kedah. Kemudahan ini boleh menguruskan kes bersalin berisiko rendah manakala kes-kes yang memerlukan rawatan hospital akan dirujuk ke empat hospital berdekatan iaitu Hospital Parit Buntar

24/2

(Perak), Hospital Kulim (Kedah), Hospital Selama (Perak) dan Hospital Sungai Bakap (Pulau Pinang).

Memandangkan penduduk di Bandar Baharu yang masih rendah iaitu kurang dari 50,000 orang dan telah terdapat 4 hospital yang berdekatan (jarak masing-masing antara 20 hingga 50 kilometer) dengan hubungan jalanraya yang baik, masih belum ada perancangan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) untuk membina sebuah hospital di Bandar Baharu. Walaubagaimanapun, keperluan pembinaan hospital tersebut akan dikaji dari masa dan boleh dipertimbangkan sekiranya terdapat keperluan di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa ini, Kementerian ini masih belum mempunyai sebarang perancangan untuk membangunkan sebuah hospital bersalin di kawasan Bandar Baharu, Kedah. Ini adalah kerana kawasan ini berdekatan dengan Hospital Parit Buntar yang berjarak sekitar 5 km sahaja yang mempunyai kadar penggunaan katil (BOR) bagi wad obstetrik sebanyak 30.23%. Hospital ini masih dapat menampung keperluan penduduk sekitar.